

DANA AL-AIMAN

1
9
1

**LAPORAN TAHUNAN
BERAKHIR
15 MEI 2009**

ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD

(256439-D)

Tingkat Bawah, Wisma ASMB
No. 1A, Jalan Lumut
Peti Surat 10701
50722 Kuala Lumpur

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGURUS

ASM Investment Services Berhad (256439-D)
(Subsidiari milik penuh Amanah Saham Mara Berhad)

IBU PEJABAT

Tingkat Bawah, Wisma ASMB
No. 1A, Jalan Lumut
Peti Surat 10701
50722 Kuala Lumpur
Tel: (03) 4145 3800 Faks: (03) 4145 3901
E-mel: asmis@asmb.com.my
Laman Web: www.asmb.com.my/uniTrust/corp_profile.htm

LEMBAGA PENGARAH

YBhg. Datuk (Dr.) Zamani bin Md. Noor - Pengerusi
YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed
YBhg. Dato' Sri Hj Abd Rahim bin Hj Abdul
YBhg. Prof. Dr. Faridah bt Hj Hassan
Encik Mansoor bin Ahmad
Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

SETIAUSAHA SYARIKAT

Puan Shahrizat bt Othman (MAICSA NO.0764744)
Puan Zaharah bt Ibrahim (MAICSA NO. 7012004)

JAWATANKUASA PELABURAN

YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed
Encik Hassan bin Jaafar
Encik Wan Abdul Rahman bin Wan Abu Samah
Encik Mansoor bin Ahmad
Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff (berkuatkuasa dari 15 Jun 2009)

PENASIHAT SYARIAH

BIMB Securities Sdn. Bhd (290163-X)

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad (766894-T)

JURUAUDIT

Tetuan Ahmad Abdullah & Goh (AF-0381)

No.	Kandungan	Muka Surat
1.	MAKLUMAT TABUNG	4
1.1	Profil Tabung	4
1.2	Kategori/Jenis Tabung	4
1.3	Saiz Tabung	4
1.4	Objektif Tabung	4
1.5	Tanda Aras Tabung	4
1.6	Dasar Pengagihan Tabung	4
1.7	Kedudukan Pegangan Unit	4
2.	PENCAPAIAN DANA	5 – 6
2.1	Komposisi Tabung	5
2.2	Prestasi FBMEmas	6
2.3	Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan	6
3.	LAPORAN PENGURUS	7 – 14
3.1	Analisa Prestasi Tabung	7
3.1.1	Bandingan Prestasi Tabung Dengan Objektif Pelaburan	7
3.1.2	Bandingan Prestasi Tabung Dengan Tanda Aras	7
3.2	Prestasi Kewangan Tabung	8
3.3	Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/FBMEmas	8
3.4	Jumlah Pulangan Tabung	8
3.5	Polisi dan Strategi Pelaburan	9
3.6	Pengagihan Aset-Aset Tabung	9
3.7	Prestasi Instrumen Pelaburan	10
3.8	Suasana Bursa Saham Tempatan	11
3.9	Suasana Pasaran Wang	13

No.	Kandungan	Muka Surat
3.10	Pengagihan Pendapatan	13
3.11	Terbitan Unit Pecahan	13
3.12	Kesan Daripada Pengagihan Pendapatan	14
3.13	Kepentingan Pemegang-Pemegang Unit	14
3.14	Rebet dan Komisen Tidak Langsung	14
4.	PERNYATAAN PENGURUS	15
5.	LAPORAN JURUAUDIT	16 – 17
6.	PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH	18
7.	PERNYATAAN PENASIHAT SYARIAH	19
8.	PENYATA KEWANGAN	20 – 34
9.	ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA	35 – 36
10.	MAKLUMAT TAMBAHAN	37 - 38
11.	PERLINDUNGAN TAKAFUL	39
12.	MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN	40 – 42
13.	MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR	43
14.	BORANG PERTUKARAN ALAMAT	44

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 Profil Tabung

Tabung ini telah dilancarkan pada 9 April 1968 sebagai Kumpulan Modal Bumiputra Yang Pertama dan dilancarkan semula sebagai Dana Al-Aiman pada 19 Mei 1997 yang berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah dan akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2008.

1.2 Kategori/Jenis Tabung

Dana Ekuiti (Islam) / Pertumbuhan dan Pendapatan

1.3 Saiz Tabung

350.0 juta unit.

1.4 Objektif Tabung

Memberi peluang kepada para pelabur menikmati pulangan yang berpatutan secara berterusan dan mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap yang memenuhi Prinsip-Prinsip Syariah.

1.5 Tanda Aras Tabung

FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah Index (FBMEmas).

1.6 Dasar Pengagihan Tabung

Pengagihan pendapatan (jika ada) akan diisytiharkan pada akhir setiap tahun kewangan bergantung kepada lebihan pendapatan sepanjang tempoh kewangan.

1.7 Kedudukan Pegangan Unit Oleh Pemegang-Pemegang Unit Pada 15 Mei 2009

Saiz Pegangan Unit	Jumlah Pemegang Unit	%	Jumlah Unit Dipegang *	%
5,000 dan ke bawah	5,280	78.95	7,174,382.09	5.56
5,001 - 10,000	653	9.76	4,540,828.60	3.52
10,001 - 50,000	597	8.93	12,241,470.11	9.48
50,001 - 500,000	144	2.15	16,658,101.70	12.90
500,001 dan ke atas	14	0.21	88,502,913.85	68.54
Jumlah	6,688	100.00	129,117,696.35	100.00

* Nota: Tidak termasuk unit Pengurus

2. PENCAPAIAN DANA

2.1 Komposisi Tabung

Sektor (%)	Tahun Kewangan Berakhir 15 Mei		
	2009	2008	2007
Barangan Pengguna	2.5	12.6	9.8
Barangan Industri	8.6	14.2	16.4
Pembinaan	4.3	6.1	6.5
Dagangan & Perkhidmatan	22.2	28.8	38.6
Hartanah	3.9	5.8	5.6
Perladangan	7.0	11.8	6.2
Infrastruktur	6.2	-	-
Derivatif Tersiarharga	-	0.3	-
Simpanan Al-Mudharabah/dan lain-lain	45.3	20.4	16.9
Jumlah	100.0	100.0	100.0
Maklumat Prestasi			
Nilai Aset Bersih (NAB) - xD (RM'000)	60,895	61,545	99,339
Unit Dalam Edaran ('000)	129,494	106,739	166,434
Nilai Aset Bersih Seunit - xD (RM)	0.4703	0.5766	0.5969
Nilai Aset Bersih seunit - xD:			
(Tertinggi: 16/5 - 15/5) (RM)	0.5791	0.6955	0.6668
(Terendah: 16/5 - 15/5) (RM)	0.4385	0.5533	0.5120
Jumlah Pulangan * (%)	(13.2)	6.7	22.0
- Pertumbuhan Modal * (%)	(18.4)	(3.4)	22.0
- Pengagihan Pendapatan * (%)	5.2	10.1	-
Saiz Purata Tabung (RM'000)	56,824	75,422	166,434
Jumlah Perbelanjaan (RM'000)	951	1,240	1,665
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) (%)	**1.67	1.64	1.64
Kos Purata Jualan & Belian (RM'000)	17,000	39,141	50,859
Pusing Ganti Portfolio (PGP) (kali)	***0.30	0.52	0.35

* **Sumber: Lipper**

** NPP meningkat sebanyak 1.8% bagi tahun kewangan berakhir 15 Mei 2009 berbanding dalam tempoh yang sama tahun lepas disebabkan oleh kemerosotan saiz purata Tabung akibat kejatuhan harga pasaran saham yang ketara sementara jumlah perbelanjaan pengurusan pula hanya berkurangan sedikit berbanding tahun sebelumnya.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.

*** PGP merosot sebanyak 42.3% bagi tahun kewangan berakhir 15 Mei 2009 berbanding tempoh yang sama dalam tahun lepas disebabkan oleh pegangan yang berterusan dalam stok-stok terpilih dari sektor dagangan & perkhidmatan, barangan industri serta perladangan yang memberikan hasil dividen yang tinggi ekoran suasana pasaran saham yang tidak menentu. Keadaan ini juga sekaligus telah mempengaruhi Pengurus Tabung untuk meningkatkan pelaburan di pasaran wang dalam portfolio dari 20.4% (2008) kepada 45.3% (2009).

* Jumlah Pulangan Tahunan (Berakhir 15 Mei)				
2009	2008	2007	2006	2005
(13.2)	6.65	22.0	(0.2)	1.5

* Jumlah Purata Pulangan (Berakhir 15 Mei)		
1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun
(13.3)	4.5	3.0

* **Sumber:** Lipper

Maklumat di atas adalah berdasarkan pengagihan tunai (kasar)

2.2 Prestasi FBMEmas (Sumber: Bloomberg)

	1 Tahun	2 Tahun	3 Tahun
FBMEmas	(23.66%)	(23.83%)	10.11%

2.3 Pengagihan Pendapatan/Terbilan Unit Pecahan

Tarikh/Tahun	15 Mei		
	2009	2008	2007
Pengagihan Tunai - Kasar (sen seunit)	3.00	6.00	-
- Bersih (sen seunit)	2.79	5.70	-
Nisbah Unit Pecahan	-	-	1:10

Nota: Unit Pecahan (jika ada) tidak layak menerima pengagihan pendapatan untuk tahun kewangan semasa.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga Unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.

Sila rujuk muka surat 35 - 36 bagi asas pengiraan.

3. LAPORAN PENGURUS

Bagi dua belas (12) bulan berakhir 15 Mei 2009 (16 Mei 2008 hingga 15 Mei 2009).

3.1 Analisa Prestasi Tabung


3.1.1 Bandingan Prestasi Tabung dengan Objektif Pelaburan

Pada 15 Mei 2009, pertumbuhan modal Dana Al-Aiman mengalami kemerosotan sebanyak 25.77% apabila nilai aset bersih (NAB) Tabung mencatatkan RM0.4703 berbanding RM0.6336 pada tarikh yang sama tahun sebelumnya. Namun demikian, berdasarkan kepada jumlah pendapatan Tabung yang agak baik, Pengurus Tabung telah mengisytiharkan pengagihan tunai bersih sebanyak 2.79 sen seunit dan ini telah menjadikan jumlah pulangan keseluruhan Tabung kepada negatif 21.37%. Oleh yang demikian secara kesimpulannya, Tabung telah mencapai objektifnya untuk memberi pulangan yang berpatutan dan mencapai pertumbuhan modal sekaligus menandingi penanda aras yang turut mengalami penurunan sebanyak 23.66% pada akhir tahun kewangan.

Semenjak dilancarkan, Tabung anda telah menunjukkan peningkatan nilai modal sebanyak 370.3% berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) RM4.7025 seunit (selepas penyelarasan unit pecahan) pada 15 Mei 2009 berbanding RM1.00 seunit ketika dilancarkan, manakala pengagihan tunai Tabung sejak ditubuhkan berjumlah RM14.7213 seunit (selepas penyelarasan unit pecahan). Ini memberikan purata pulangan tahunan semenjak penubuhan Tabung sebanyak 44.9% selaras dengan objektif Tabung.

3.1.2 Bandingan Prestasi Tabung dengan Tanda Aras

Prestasi Tabung ini berbanding FBMEmas sepanjang tempoh 5 tahun berakhir 15 Mei 2009 adalah seperti berikut:-



(Sumber: Bloomberg)

Sepanjang 5 tahun lepas, NAB terendah dan tertinggi Tabung adalah RM0.4385 dan RM0.6955 yang masing-masing dicatatkan pada 9 Disember 2008 dan 11 Januari 2008. FBMEmas pula mencatatkan paras tertinggi pada 11 Januari 2008 iaitu 11,106.05 mata manakala paras terendah ialah 5,521.22 mata dicatatkan pada 18 Mei 2004.

Memandangkan masih ada beberapa sektor ekonomi yang mantap seperti telekomunikasi dan utiliti, Pengurus Tabung menjangkakan pasaran saham akan pulih sedikit pada tahun-tahun mendatang dan mengandaikan portfolio Tabung ini akan terus dinamik untuk menghasilkan pulangan yang memuaskan pada masa hadapan selari dengan objektif Tabung.

3.2 Prestasi Kewangan Tabung

	15/05/2009 (RM)	15/05/2008 (RM)	% Perubahan
Dividen Kasar	1,708,459	2,814,942	(39.3)
Keuntungan Dari Simpanan Al-Mudharabah	567,819	491,214	15.6
Hibah Dari Simpanan Al-Wadiah	1,465	3,224	(54.6)
Keuntungan Dari Jualan Pelaburan	2,868,803	12,717,704	(77.4)
Pendapatan Pelbagai	3,876	18	21,433.3
Jumlah Pendapatan	5,150,422	16,027,102	(67.9)
Tolak: Perbelanjaan & Cukai	1,223,896	1,556,328	(21.4)
Keuntungan Selepas Cukai	3,926,526	14,470,774	(72.9)

3.3 Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/FBMEmas

	15/05/2009	15/05/2008	% Perubahan
Unit Dalam Edaran	129,494,000	106,739,000	21.3
Nilai Aset Bersih (RM)	60,895,411	61,544,723	(1.1)
Nilai Aset Bersih/Unit - xD	0.4703	0.5766	(18.4)
FBMEmas	7,060.46	9,248.12	(23.7)

3.4 Jumlah Pulangan Seunit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 15 Mei 2009

Pertumbuhan Modal/Unit	Pulangan Pendapatan (Bersih)/Unit	Jumlah Pulangan/Unit
(sen)	(sen)	(sen)
(10.63)	2.79	(7.84)

Pada 15 Mei 2009, unit di dalam edaran meningkat sebanyak 21.3% berbanding tahun lepas. Manakala NAB Tabung pula menunjukkan penurunan sebanyak 1.1%.

NAB seunit susut sebanyak RM0.0784 dari RM0.5766 kepada RM0.4982 (cD), menunjukkan jumlah pulangan negatif 13.6%. (*Sila rujuk muka surat 35 - 36 bagi asas pengiraan*). FBMEmas yang dijadikan tanda aras bandingan prestasi Tabung pula mencatat pulangan sebanyak negatif 23.7% sepanjang tempoh yang sama.

3.5 Polisi Dan Strategi Pelaburan


Polisi pelaburan Tabung ialah melabur di dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan merangkumi ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap tersiarharga dan lain-lain bentuk pelaburan yang dibenarkan dan memenuhi Prinsip-Prinsip Syariah.

Sepanjang tempoh kajian, Pengurus Tabung telah mengambil sikap berhati-hati berikutan senario pasaran saham tempatan dan global yang tidak bermaya akibat kegawatan ekonomi yang melanda dunia pada masa kini. Oleh yang demikian, pembelian saham-saham hanya bertumpu kepada syarikat yang mempunyai fundamental yang kukuh serta berpotensi dalam memberikan pendapatan dan pertumbuhan pada masa depan.


3.6 Pengagihan Aset-Aset Tabung

Dalam tempoh setahun, Pengurus Tabung telah mengurangkan pegangan dalam pasaran ekuiti kepada 54.7% berbanding 79.6% pada tahun sebelumnya. Manakala pegangan dalam tunai telah ditingkatkan kepada 45.3% berbanding 20.4% bagi tahun sebelumnya bertujuan untuk menjaga dan memastikan NAB Tabung tidak terlalu 'volatile' dan sentiasa dalam keadaan agak stabil.

Pengagihan Aset Dana Al-Aiman Pada 15/05/2009



Pengagihan Aset Dana Al-Aiman Pada 15/05/2008




3.7 Prestasi Instrumen Pelaburan

Pecahan pulangan mengikut kelas aset adalah seperti berikut:-

PECAHAN PULANGAN SEUNIT MENGIKUT KELAS ASET						
	15 Mei 2009	15 Mei 2008	Naik/ (Turun)	Purata Pendedahan Pelaburan	Purata Pulangan	Pecahan Kepada Jumlah Pulangan
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)
Ekuiti	54.7	79.6	(31.3)	67.2	(30.2)	(20.3)
Simpanan Al- Mudharabah dan lain-lain	45.3	20.4	122.1	32.8	2.8	0.9
Perbelanjaan						(2.0)
Jumlah Pulangan						(21.4)

Untuk jangkamasa setahun berakhir 15 Mei 2009, Pengurus Tabung telah melabur di pasaran ekuiti sebanyak 54.7% dan mencatatkan purata pulangan sebanyak negatif 30.2%. Manakala baki sebanyak 45.3% pula adalah merupakan aset mudah tunai iaitu pelaburan dalam pasaran wang di perbankan Islam yang mencatatkan pulangan positif 2.8% setahun.

3.8 Suasana Bursa Saham Tempatan



FBMEmas menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di awal bulan Mei 2008 kesan daripada kenaikan harga komoditi, namun demikian pasaran saham kembali suram di akhir bulan mencerminkan ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti global dan perkembangan politik dalam negeri.

Pasaran saham merudum pada separuh pertama bulan Julai 2008 ekoran ketidaktentuan politik tempatan, pasaran serantau yang lemah dan kejatuhan harga minyak kelapa sawit yang menjejaskan saham-saham perladangan. Pada dasarnya, prestasi pasaran saham semasa dipengaruhi oleh harga-harga komoditi terutamanya harga minyak mentah dan juga harga minyak kelapa sawit. Harga minyak mentah telah melonjak naik mencatatkan rekod tertinggi sebanyak *USD145* setong pada pertengahan bulan Julai 2008. Kebanyakan para pelabur mengambil langkah tunggu dan lihat serta mempunyai persepsi negatif terhadap pasaran saham menyebabkan Indeks FBMEmas ditutup rendah pada pertengahan bulan Julai 2008.

Pasaran saham tempatan menunjukkan prestasi kurang bermaya pada bulan Ogos 2008 kesan daripada kemerosotan harga saham-saham perladangan ekoran pasaran serantau yang lemah dan tidak menentu selain ketidaktentuan politik tempatan yang berterusan memberi kesan negatif kepada sentimen pasaran menyebabkan FBMEmas ditutup rendah sebanyak 6.7% kepada 7,592 mata. Pada bulan September dan Oktober 2008, pasaran saham tempatan terus merudum ekoran kebimbangan terhadap kegawatan ekonomi yang berlarutan di Amerika Syarikat dan kesannya kepada prestasi ekonomi serantau. Selain itu, kejatuhan harga komoditi seperti minyak kelapa sawit menyebabkan harga saham-saham perladangan terus merosot mendorong FBMEmas ditutup lebih rendah.

Pasaran tempatan mempamerkan sedikit kekukuhan pada separuh pertama bulan November 2008 dengan minat belian tertumpu kepada saham-saham utama. Ini ekoran pakej rangsangan bernilai USD586 bilion yang diumumkan oleh China untuk mengatasi kemelut ekonomi negara tersebut. Malaysia juga mengumumkan pakej rangsangan bernilai RM7 bilion di samping beberapa langkah lain untuk menggalakkan perbelanjaan pengguna. Sentimen pasaran saham terus positif pada separuh kedua bulan Disember 2008 ekoran kegiatan pembelian saham yang diterajui oleh saham perladangan dan telekomunikasi berikutan jangkaan pendapatan yang lebih baik. Ini mendorong FBMEmas ditutup pada paras 5,949.63 mata pada akhir Disember 2008.

Pada Januari 2009 dan separuh pertama Februari 2009, pasaran saham tempatan mempamerkan prestasi positif yang disertai dengan peningkatan jumlah dagangan, sejajar dengan peningkatan pasaran saham serantau berikutan kenaikan di Wall Street. Sentimen pasaran didorong oleh harapan bahawa langkah-langkah rangsangan ekonomi di Amerika Syarikat dapat mengurangkan kelembapan ekonomi global. Di pasaran saham tempatan, sentimen pelabur turut dirangsang oleh pengumuman bajet mini yang menyebabkan FBMEmas ditutup tinggi kepada 6,213 mata pada 13 Februari 2009 berbanding 6,079 mata pada 15 Januari 2009. Walau bagaimanapun, pasaran saham tempatan kembali merosot pada separuh kedua bulan Februari 2009 ekoran kebimbangan terhadap beberapa keputusan kewangan korporat dan statistik ekonomi yang menyebabkan FBMEmas ditutup pada paras 6,087 mata pada 27 Februari 2009.

Pasaran saham tempatan terus merosot pada bulan Mac 2009 berikutan penjualan besar-besaran beberapa saham utama seperti Maybank dan TMI ekoran cadangan jumlah terbitan hak yang besar oleh kedua-dua syarikat terbabit. Pada masa yang sama, pengumuman pakej rangsangan kedua berjumlah RM60 bilion untuk tempoh 2009 dan 2010 gagal mempengaruhi pasaran menyebabkan FBMEmas ditutup rendah kepada 6,020 mata di akhir bulan Mac 2009 berbanding 6,087 mata di akhir bulan sebelumnya. Bulan April 2009 pula menyaksikan prestasi yang memberangsangkan di pasaran saham tempatan dengan FBMEmas mencatatkan kenaikan 867 mata atau 14.4% untuk ditutup pada paras 6,887 mata. Walaupun pasaran global kelihatan suram dengan adanya gangguan seperti serangan wabak Influenza H1N1, namun pasaran keseluruhannya berjaya menangkis banyak berita negatif dan seterusnya melonjak dengan pergerakan positif. Pengumuman Bank Negara untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada kadar 2.0 peratus menunjukkan sedikit keyakinan terhadap ekonomi tempatan. Berita gembira ini berterusan hingga ke bulan Mei 2009 dengan Indeks FBMEmas terus melonjak naik dan berjaya melepasi paras 7,000 mata di awal bulan kerana didorong oleh pasaran ekuiti global yang terus mencatatkan keuntungan selepas disokong oleh anggapan kukuh bahawa keadaan paling buruk krisis kemelesetan ekonomi mungkin sudah berlalu.

3.9 Suasana Pasaran Wang

Sektor perbankan Islam terus berkembang di Malaysia dengan mencatatkan pertumbuhan dua digit dalam lapan tahun kebelakangan ini dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 20% mengikut saiz aset. Pada akhir 2009, perbankan Islam telah meningkatkan kedudukannya dalam keseluruhan saiz aset perbankan negara kepada 17.49%. Sementara saiz aset industri takaful pula tumbuh sebanyak 23% setahun dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini dengan Takaful Keluarga dan Takaful Am masing-masing merupakan 11% dan 7% dari saiz aset keseluruhan sektor insuran.

Dalam pasaran modal dan kewangan pula terdapat banyak syarikat yang ditubuhkan di bawah Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) menawarkan pelbagai aktiviti perniagaan termasuk perbankan Islam antarabangsa yang menggunakan matawang asing serta pengurusan aset dan dana Islamik, takaful dan penerbitan sukuk. Pasaran sukuk global telah berkembang secara purata sebanyak 40% setahun. Walaupun terdapat penurunan dalam penerbitan sukuk dalam tahun 2009, dianggarkan USD20 bilion sukuk telah diterbitkan dimana Malaysia merupakan penerbit utama di pasaran global. Oleh itu, prospek kewangan Islam dijangka terus kekal positif walaupun dalam suasana global yang mencabar.

Memandangkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan kadar inflasi yang menurun, untuk menggalakan permintaan domestik dan pelaburan, BNM telah mengurangkan lagi Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 50 mata asas kepada 2.0% selepas menurunkan kadar ini pada bulan Januari 2009. Sejajar dengan penurunan ini, kadar pulangan bagi instrumen pasaran wang Islam juga dijangka menurun dalam masa sederhana.

(Sumber: BNM)

3.10 Pengagihan Pendapatan

Berdasarkan kepada pendapatan semasa Tabung, Pengurus dengan persetujuan Pemegang Amanah telah mengisytiharkan pengagihan tunai sebanyak 2.79 sen (bersih) (kasar 3.00 sen) seunit kepada semua Pemegang-Pemegang Unit yang berdaftar pada 15 Mei 2009. Pengagihan tunai tersebut akan dibayar pada atau sebelum 15 Julai 2009.

3.11 Terbitan Unit Pecahan

Tiada pengagihan unit pecahan dicadangkan bagi Tabung sepanjang tahun kewangan berakhir 15 Mei 2009.

3.12 Kesan Daripada Pengagihan Pendapatan

Pengisytiharan pengagihan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 15 Mei 2009 telah menurunkan NAB Tabung seunit dari RM0.4982 kepada RM0.4703.

	Sebelum Pengagihan Pendapatan (cD)		Selepas Pengagihan Pendapatan (xD)	
* Nilai Aset Bersih	RM	0.4982	RM	0.4703

* Melalui Kaedah Harga Tunggal (*Single Pricing Regime*), harga jualan dan harga belian balik adalah bersamaan dengan NAB seunit.

3.13 Kepentingan Pemegang-Pemegang Unit

Di dalam tahun kewangan ini, tiada sebarang kejadian yang menjejaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit selain dari urusan-usniaga yang dijalankan selaras dengan Suratikatan Amanah, Garispanduan Tabung Unit Amanah, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2008 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

3.14 Rebet dan Komisen Tidak Langsung

Pengurus atau Pemegang Amanah tidak dibenarkan menerima sebarang rebet atau komisen dari broker/dealer sebagai imbuhan bagi urusan-usniaga pelaburan. Sekiranya ada, imbuhan ini perlu disalurkan ke dalam akaun Tabung.

Sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 15 Mei 2009, Pengurus Tabung tidak menerima sebarang imbuhan daripada broker/dealer selain daripada laporan ataupun material penyelidikan yang berkaitan dengan ekonomi, pasaran saham mahupun analisa penyelidikan terhadap sesuatu syarikat yang tersenarai ataupun hendak disenaraikan di Bursa Malaysia, yang mana digunakan untuk rujukan penyelidikan pelaburan.

4. PERNYATAAN PENGURUS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit DANA AL-AIMAN

Kami sebagai Pengarah-Pengarah kepada ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD selaku Pengurus DANA AL-AIMAN berpendapat penyata kewangan yang dibentangkan memberikan maklumat dan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Tabung pada 15 Mei 2009, pergerakan nilai aset bersih, hasil kendalian aset serta aliran tunai Tabung untuk tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Untuk dan bagi pihak
ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD
Selaku Pengurus DANA AL-AIMAN

NIK MOHAMED ZAKI BIN NIK YUSOFF
Pengarah

DATO' KAMARUDDIN BIN MOHAMMED
Pengarah

KUALA LUMPUR
23 Jun 2009

5. LAPORAN JURUAUDIT

Kepada Pemegang-Pemegang Unit DANA AL-AIMAN

Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan dan jadual untuk Dana Al-Aiman, yang terdiri daripada lembaran imbangan pada 15 Mei 2009, penyata pendapatan dan perbelanjaan, penyata perubahan pada nilai aset bersih dan penyata aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir 15 Mei 2009 dan dasar perakaunan serta nota-nota penjelasan, yang dibentangkan.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah ke atas penyata kewangan

Pengurus bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan mengikut Piawaian Laporan Kewangan dan Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: membentuk, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, samada melibatkan penipuan atau kesilapan, memilih dan menggunakan dasar perakaunan yang sesuai dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah. Pemegang Amanah bertanggungjawab memastikan Pengurus menyimpan rekod-rekod perakaunan dalam keadaan sempurna seperti yang dikehendaki bagi memperoleh pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi satu pendapat berdasarkan pengauditan kami ke atas penyata kewangan. Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini mengkehendaki kami memenuhi kehendak etika dan perancangan serta pelaksanaan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan merangkumi pelaksanaan bagi memperoleh prosedur, bukti-bukti berkaitan kepada amaun-amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko terhadap salah nyata yang ketara di dalam penyata kewangan, samada melibatkan penipuan atau kesilapan. Dalam menentukan penilaian risiko, kami mengambilkira kawalan dalaman yang bersesuaian terhadap penyediaan dan pembentangan penyata kewangan Tabung yang saksama bagi mencapai kaedah pengauditan yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk mengemukakan pandangan terhadap keberkesanan kawalan dalaman Tabung tersebut. Pengauditan juga meliputi penilaian terhadap dasar perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran perakaunan yang penting yang dibuat oleh Pengurus, serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami berpendapat bukti-bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian bagi memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan dan nota-nota yang dibentangkan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah melainkan penilaian pelaburan dan memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan keadaan urusan Tabung pada 15 Mei 2009, pergerakan nilai aset bersih dan hasil serta aliran tunai Tabung untuk tahun berakhir pada tarikh itu.

Jadual yang dibentangkan telah diambil terutamanya dari rekod perakaunan dan lain-lain rekod Tabung yang telah dikenakan ujian-ujian dan lain-lain tatacara audit sewaktu pemeriksaan kami ke atas penyata kewangan Tabung untuk tahun berakhir 15 Mei 2009. Pada pendapat kami, pada keseluruhannya maklumat itu telah dibentangkan dengan saksama jika dipandang dari semua segi penting berkenaan dengan penyata kewangan itu.

Lain-Lain Perkara

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi satu pendapat yang bebas berdasarkan pengauditan kami ke atas penyata kewangan dan dengan tiada tujuan lain untuk membuat laporan berkenaan pendapat kami sebagai satu badan kepada anda, menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak yang lain bagi kandungan laporan ini.

AHMAD ABDULLAH & GOH AF-0381
Akauntan Bertauliah
Juruaudit

GOH KENG JUAY 461/05/11(J)
CA(M), FCA(E&W)
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur

23 Jun 2009

6. PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit DANA AL-AIMAN

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD bertindak selaku Pemegang Amanah kepada DANA AL-AIMAN bagi tempoh kewangan berakhir 15 Mei 2009. Pada pendapat kami, ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD, selaku Pengurus DANA AL-AIMAN telah mengurus Tabung berkenaan selaras dengan had-had kuasa pelaburan. Kami juga berpendapat bahawa pihak ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD telah mengawalselia Tabung mengikut Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yg diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan berakhir 15 Mei 2009.

Kami juga berpendapat bahawa:

- a) Prosedur dan proses yang digunakan oleh syarikat pengurusan untuk menilai dan/atau menentukan harga unit Tabung tersebut adalah mencukupi dan bahawa nilai/harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- b) Jualan, belian balik dan penjadian unit berkenaan adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan: dan
- c) Pengagihan kepada Pemegang-Pemegang Unit DANA AL-AIMAN adalah selaras dengan objektif pelaburan Unit Amanah.

Untuk dan bagi pihak
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

KUALA LUMPUR
30 Jun 2009

7. PERNYATAAN PENASIHAT SYARIAH

Pemegang-Pemegang Unit Yang Dihormati

Kami telah bertindak sebagai Penasihat Syariah ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD bagi Dana Al-Aiman untuk jangkamasa kewangan berakhir 15 Mei 2009. Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan prosedur-prosedur dan proses yang dilaksanakan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD serta peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Suratikatan Induk Tambahan Kelima bertarikh 6 September 2005 yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti pada 8 September 2005 adalah mematuhi Prinsip-Prinsip Syariah.

Pada pendapat kami, untuk jangkamasa kewangan berakhir 15 Mei 2009, ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD telah mengurus dan mentadbir DANA AL-AIMAN mengikut Prinsip-Prinsip Syariah dan mematuhi segala garis panduan yang berkaitan, arahan atau keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti mengenai perkara-perkara Syariah.

Kami juga berpendapat bahawa DANA AL-AIMAN yang dikendalikan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD adalah mengandungi sekuriti-sekuriti yang telah dikategorikan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (MPSSC). Walau bagaimanapun bagi sekuriti yang belum disahkan oleh MPSSC, kami telah membuat semakan dan berpendapat bahawa sekuriti-sekuriti tersebut adalah patuh Syariah.

Untuk dan bagi pihak
BIMB SECURITIES SDN. BHD.

DATO' DR. ABDUL HALIM ISMAIL
Pengarah Eksekutif

Kuala Lumpur
29 Jun 2009

8. PENYATA KEWANGAN

LEMBARAN IMBANGAN PADA 15 MEI 2009

	NOTA	2009 RM	2008 RM
PELABURAN	4		
SAHAM TERSIARHARGA		33,283,910	48,784,722
DERIVATIF TERSIARHARGA		-	212,398
SIMPANAN AL-MUDHARABAH	5	27,788,923	16,510,000
		<u>61,072,833</u>	<u>65,507,120</u>
LAIN-LAIN ASET			
SIMPANAN AL-WADIAH		3,009,072	788,608
TERHUTANG OLEH PENGURUS		702,208	635,795
TERHUTANG OLEH BROKER SAHAM		6,099,480	242,693
LAIN-LAIN SIBERHUTANG		560,384	896,096
TUNTUTAN CUKAI		552,857	770,932
		<u>10,924,001</u>	<u>3,334,124</u>
JUMLAH ASET		<u>71,996,834</u>	<u>68,841,244</u>
LIABILITI			
TERHUTANG KEPADA PENGURUS		38,815	40,726
TERHUTANG KEPADA PEMEGANG AMANAH		2,588	2,715
TERHUTANG KEPADA BROKER SAHAM		7,110,147	498,796
LAIN-LAIN SIPIUTANG		11,220	2,000
TAZKIAH	12	9,666	7,687
PENGAGIHAN	6	3,612,883	6,084,123
PERUNTUKAN CUKAI		316,104	660,474
		<u>11,101,423</u>	<u>7,296,521</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>11,101,423</u>	<u>7,296,521</u>
NILAI ASET BERSIH	7	<u>60,895,411</u>	<u>61,544,723</u>
KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT			
MODAL UNIT BERSIH	8	70,571,861	58,337,501
RIZAB BELUM DIREALISASI	9	(3,178,171)	9,061,422
KERUGIAN TERKUMPUL		(6,498,279)	(5,854,200)
		<u>60,895,411</u>	<u>61,544,723</u>
UNIT DALAM EDARAN	8	<u>129,494,000</u>	<u>106,739,000</u>
NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM) - XD		<u>0.4703</u>	<u>0.5766</u>

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

	<u>NOTA</u>	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
PENDAPATAN			
DIVIDEN KASAR		1,708,459	2,814,942
KEUNTUNGAN DARI SIMPANAN AL-MUDHARABAH		567,819	491,214
HIBAH DARI SIMPANAN AL-WADIAH		1,465	3,224
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) DARI JUALAN PELABURAN		2,868,803	12,717,704
PENDAPATAN PELBAGAI		3,876	18
		<u>5,150,422</u>	<u>16,027,102</u>
PERBELANJAAN			
YURAN PENGURUS	10	850,411	1,131,920
YURAN PEMEGANG AMANAH	11	56,694	75,461
YURAN AUDIT		1,200	1,200
YURAN AGEN CUKAI		800	800
TAZKIAH	12	1,978	2,867
PERBELANJAAN PENTADBIRAN		39,497	28,093
		<u>950,580</u>	<u>1,240,341</u>
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI		4,199,842	14,786,761
CUKAI	13	(273,316)	(315,987)
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI		3,926,526	14,470,774
PENGAGIHAN: (AKHIR) 3.00 SEN (KASAR) (BERSIH 2.79 SEN) SEUNIT [2008 : 6.00 SEN (KASAR) (BERSIH 5.70 SEN) SEUNIT]	6	(3,612,883)	(6,084,123)
		<u>313,643</u>	<u>8,386,651</u>
PENGIMBANGAN AGIHAN		(957,722)	4,425,768
		<u>(644,079)</u>	<u>12,812,419</u>
BAKI KERUGIAN TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN		(5,854,200)	(18,666,619)
BAKI KERUGIAN TERKUMPUL DIHANTAR KE HADAPAN		(6,498,279)	(5,854,200)
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI TERHASIL OLEH:			
KEUNTUNGAN DIREALISASI		3,926,526	14,470,774
KEUNTUNGAN BELUM DIREALISASI		-	-
		<u>3,926,526</u>	<u>14,470,774</u>

**PENYATA PERUBAHAN PADA NILAI ASET BERSIH
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
Nilai Aset Bersih pada awal tahun	61,544,723	99,339,298
Penjadian unit dalam tahun	<u>12,234,360</u>	<u>2,553,675</u>
	73,779,083	101,892,973
Perlucutan unit dalam tahun	<u>-</u>	<u>(44,222,366)</u>
	73,779,083	57,670,607
Keuntungan direalisasi dalam tahun	3,926,526	14,470,774
Pengimbangan agihan	(957,722)	4,425,768
Pengagihan: (akhir) 3.00 sen (kasar) (bersih 2.79 sen) seunit [2008: 6.00 sen (kasar) (bersih 5.70 sen) seunit]	(3,612,883)	(6,084,123)
	(644,079)	12,812,419
Penurunan nilai pasaran dalam tahun	(12,239,593)	(8,938,303)
Nilai Aset Bersih pada akhir tahun	<u>60,895,411</u>	<u>61,544,723</u>

**PENYATA ALIRAN TUNAI
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN DAN OPERASI		
Perolehan dari penjualan pelaburan	14,652,239	62,422,026
Pembelian pelaburan	(7,555,254)	(23,972,274)
Dividen diterima	1,640,471	1,850,905
Keuntungan dari simpanan Al-Mudharabah	575,784	482,631
Hibah dari simpanan Al-Wadiah	1,465	3,242
Penerimaan dari cukai yang dituntut	-	284,703
Penerimaan dari dividen yang tidak dituntut	9,220	-
Yuran pengurusan telah dijelaskan	(852,321)	(1,152,802)
Yuran Pemegang Amanah telah dijelaskan	(56,821)	(76,853)
Yuran audit telah dijelaskan	(1,200)	(1,200)
Yuran agen cukai telah dijelaskan	(800)	(800)
Perbelanjaan pentadbiran	(39,497)	(28,093)
Tunai bersih dari aktiviti pelaburan dan operasi	<u>8,373,286</u>	<u>39,811,485</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	11,210,225	1,925,834
Agihan telah dijelaskan	(6,084,124)	-
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit	-	(39,804,552)
Tunai bersih dari/(digunakan dalam) aktiviti pembiayaan	<u>5,126,101</u>	<u>(37,878,718)</u>
LEBIH BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK	13,499,387	1,932,767
TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK PADA AWAL TAHUN	<u>17,298,608</u>	<u>15,365,841</u>
TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK PADA AKHIR TAHUN	<u>30,797,995</u>	<u>17,298,608</u>
TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK		
Simpanan Al-Wadiah	3,009,072	788,608
Simpanan Al-Mudharabah	27,788,923	16,510,000
	<u>30,797,995</u>	<u>17,298,608</u>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

Dana Al-Aiman (dahulunya dikenali sebagai "Kumpulan Modal Bumiputra Yang Pertama") diuruskan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD telah dilancarkan pada 9 April 1968 dan dilancarkan semula pada 19 Mei 1997 akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut peruntukan Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Aktiviti utama Dana Al-Aiman ialah urusniaga sekuriti bolehpasar di mana pelaburan dibuat di dalam "Pelaburan Yang Dibenarkan" sebagaimana yang didefinisikan di bawah Klausa 1 di dalam Suratikatan Amanah, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti dan berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah dari semasa ke semasa. Ini termasuk sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan di dalam instrumen pasaran kewangan yang diluluskan mengikut Prinsip-Prinsip Syariah.

Pengurus adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Amanah Saham Mara Berhad. Aktiviti utama Pengurus ialah pengurusan Tabung-Tabung Unit Amanah dan Dana Korporat.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Operasi Tabung Unit Amanah ini adalah terdedah kepada beberapa risiko yang mana antara lainnya termasuklah risiko pasaran, risiko kecairan, risiko spesifik dan risiko kadar keuntungan Mudharabah. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui sistem kawalan dalaman serta sekatan-sekatan pelaburan yang digariskan di dalam Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti dan mengikut Prinsip-Prinsip Syariah yang ditetapkan.

(a) Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah melalui ketidakpastian dalam harga pasaran yang dipengaruhi oleh perubahan dalam persekitaran pasaran termasuk perubahan ekonomi secara global, peraturan, politik dan kadar keuntungan. Unit Amanah menguruskan risiko pasaran melalui garispanduan dan polisi pelaburan yang disediakan serta strategi kepelbagaian pengagihan portfolio aset Tabung.

(b) Risiko Kecairan

Unit Amanah menguruskan aliran tunai dengan menempatkan sebahagian tunai dalam simpanan Al-Mudharabah dengan memastikan pulangan yang maksimum dan mengambil peluang ke atas pelaburan dan peluang baru. Risiko kecairan adalah risiko Unit Amanah menghadapi kesulitan untuk mendapatkan dana bagi memenuhi komitmen kewangan.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

(c) Risiko Spesifik

Risiko spesifik adalah risiko yang dialami melalui pelaburan terhadap syarikat-syarikat yang mengalami perubahan dalam prestasi perniagaan, citarasa dan permintaan pengguna, tindakan undang-undang dan amalan pengurusan. Risiko ini boleh dikurangkan melalui kepelbagaian dalam pelaburan dan sekatan pelaburan yang digariskan oleh Garispanduan Tabung Unit Amanah dan berlandaskan kepada Prinsip-Prinsip Syariah.

(d) Risiko Kadar Keuntungan Mudharabah

Unit Amanah menguruskan risiko kadar keuntungan Mudharabah dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garispanduan dan polisi pelaburan serta semakan yang kerap ke atas kadar keuntungan Mudharabah dan jangkauan pasaran. Risiko kadar keuntungan Mudharabah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar keuntungan akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar keuntungan pasaran.

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah diubahsuai dengan penilaian semula pelaburan dan ianya disediakan menurut Piawaian Perakaunan Malaysia diterimapakai secara amnya dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(b) Saham dan Derivatif Tersiarharga

Saham dan derivatif tersiarharga adalah dinilai menurut harga penutup pasaran di Bursa Malaysia pada tarikh kewangan berakhir.

(c) Pendapatan Dividen

Kiraan dividen-dividen dari pelaburan ditetapkan mengikut asas akruan sebaik sahaja harga saham syarikat berkenaan dicatat "XD" (tanpa dividen) di Bursa Malaysia.

(d) Keuntungan dari Simpanan Al-Mudharabah

Keuntungan dari simpanan Al-Mudharabah adalah diambilkira berdasarkan asas akruan.

(e) Keuntungan/(Kerugian) dari Penjualan Pelaburan

Kos yang diambilkira bagi menentukan keuntungan/(kerugian) dari penjualan pelaburan adalah berdasarkan kepada kos purata wajar.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

(f) Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi

Keuntungan/(Kerugian) belum direalisasi mewakili keuntungan/(kerugian) akibat daripada penilaian sekuriti yang disebut harga pada nilai pasaran.

(g) Penjadian dan Perlucutan Unit

Penerimaan dari penjadian unit dan pembayaran atas perlucutan unit adalah berdasarkan nilai pasaran unit yang terdiri dari bahagian modal dan bahagian pendapatan pada tarikh penjadian atau perlucutan berkenaan.

(h) Pengimbangan Agihan

Pengimbangan agihan diambilkira pada tarikh penjadian dan perlucutan berdasarkan purata jumlah pendapatan yang boleh diagihkan termasuk dalam harga penjadian dan perlucutan unit.

(i) Tunai dan Tunai Sebentuk

Tunai dan tunai sebentuk meliputi simpanan Al-Mudharabah dan Al-Wadiah dengan bank dan institusi kewangan berlesen di mana simpanan tersebut adalah berlandaskan kepada Prinsip-Prinsip Syariah.

(j) Instrumen Kewangan

Aset dan Liabiliti kewangan yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan adalah merangkumi tunai di bank, pelaburan sekuriti saham dan derivatif tersiarharga, simpanan di institusi-institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Polisi perakaunan tentang perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Keuntungan dari simpanan Al-Mudharabah dan Al-Wadiah, dividen, keuntungan atau kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan atau kerugian dari pelaburan.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

4. PELABURAN

Butir-butir adalah seperti berikut:-

	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
(a) Saham tersiarharga @ jumlah kos	36,462,081	39,875,736
(Kurangan)/Lebih nilai pasaran	(3,178,171)	8,908,986
Nilai Pasaran	33,283,910	48,784,722
(b) Derivatif tersiarharga @ jumlah kos	-	59,962
Lebih nilai pasaran	-	152,436
Nilai Pasaran	-	212,398
(c) Simpanan Al-Mudharabah	27,788,923	16,510,000
Jumlah Pelaburan	<u>61,072,833</u>	<u>65,507,120</u>

Senarai Pelaburan adalah seperti di Jadual A.

5. SIMPANAN AL-MUDHARABAH

Simpanan Al-Mudharabah adalah meliputi simpanan tetap berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah di dalam institusi kewangan berlesen seperti berikut:-

	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
(a) Bank Pelaburan	11,883,189	5,709,403
(b) Bank Saudagar/Perdagangan	15,905,734	10,800,597
	<u>27,788,923</u>	<u>16,510,000</u>

Purata kadar keuntungan sepanjang tahun kewangan dan purata tempoh akan matang simpanan pada tarikh penutup kewangan adalah seperti berikut:-

	<u>Purata Kadar Keuntungan</u> %	<u>Purata Tempoh Akan Matang</u> Hari
(a) Bank Pelaburan	1.86	23
(b) Bank Saudagar/Perdagangan	2.04	30

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

6. PENGAGIHAN

Peruntukan ini merupakan pengagihan (akhir) yang disyorkan sebanyak 3.00 sen (kasar) (bersih 2.79 sen) seunit [2008: 6.00 sen (kasar) (bersih 5.70 sen) seunit] yang akan diagihkan kepada Pemegang-Pemegang Unit bagi tahun kewangan berakhir 15 Mei 2009 selaras dengan objektif Tabung. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit dalam edaran pada 15 Mei 2009.

Pengagihan kepada Pemegang Unit adalah seperti berikut:-

	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
Dividen kasar	1,708,459	2,814,942
Keuntungan dari Simpanan Al-Mudharabah	567,819	491,214
Hibah dari Simpanan Al-Wadiah	1,465	3,224
Keuntungan dari penjualan pelaburan	2,868,803	12,717,704
Pendapatan Pelbagai	3,876	18
Keuntungan tidak direalisasi pada Tahun Semasa	(313,643)	(8,386,651)
	<u>4,836,779</u>	<u>7,640,451</u>
Perbelanjaan	(950,580)	(1,240,341)
Cukai	(273,316)	(315,987)
	<u>3,612,883</u>	<u>6,084,123</u>
Unit dalam edaran	<u>129,494,000</u>	<u>106,739,000</u>
Pengagihan kasar seunit (sen)	<u>3.00</u>	<u>6.00</u>
Pengagihan bersih seunit (sen)	<u>2.79</u>	<u>5.70</u>

Pengagihan dibuat setelah mengambilkira kerugian belum direalisasi dalam tahun kewangan semasa berjumlah RM3,178,171.

7. NILAI ASET BERSIH

Nilai Aset Bersih diambilkira setelah menolak jumlah liabiliti Tabung daripada jumlah aset Tabung.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

8. MODAL UNIT BERSIH

	<u>2009</u>		<u>2008</u>	
	Unit	RM	Unit	RM
Baki dibawa ke hadapan	106,739,000	58,337,501	166,434,400	100,006,192
Penjadian dalam tahun	22,755,000	12,234,360	4,165,000	2,553,675
	129,494,000	70,571,861	170,599,400	102,559,867
Perlucutan dalam tahun	-	-	(63,860,400)	(44,222,366)
Baki pada 15 Mei	129,494,000	70,571,861	106,739,000	58,337,501

Saiz maksimum Tabung yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti adalah sebanyak 350,000,000 unit.

9. RIZAB BELUM DIREALISASI

	<u>2009</u>	<u>2008</u>
	RM	RM
Baki dibawa ke hadapan	9,061,422	17,999,725
Penurunan nilai pasaran dalam tahun	(12,239,593)	(8,938,303)
Baki pada 15 Mei	(3,178,171)	9,061,422

10. YURAN PENGURUS

Yuran yang dibayar kepada Pengurus, ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD adalah dikira secara harian berdasarkan 1.5% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran pengurusan dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

11. YURAN PEMEGANG AMANAH

Yuran yang dibayar kepada Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad adalah dikira secara harian berdasarkan 0.1% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran pengurusan dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

12. TAZKIAH

Tazkiah adalah penyucian sebahagian pendapatan dividen yang diperolehi dari peratus pelaburan yang meragukan. Pendapatan meragukan yang diterima ditapis melalui kaedah penyucian yang telah ditetapkan oleh Penasihat Syariah yang dilantik. Tazkiah dikira berdasarkan 2.5% ke atas pendapatan meragukan di mana peratus keraguan adalah ditetapkan oleh Penasihat Syariah.

13. CUKAI

	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
Peruntukan cukai semasa	(316,104)	(660,474)
Peruntukan terlebih tahun taksiran terdahulu	-	111,838
Pelarasan cukai tahun taksiran terdahulu	42,788	232,649
	<u>(273,316)</u>	<u>(315,987)</u>

Cukai adalah dikenakan pada kadar cukai 25% [2008: 26%] ke atas pendapatan bercukai dividen setelah ditolak perbelanjaan dibenar pada kadar 10%.

Pengiraan peruntukan cukai semasa di mana amaun diselaraskan seperti berikut:-

	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
Keuntungan sebelum cukai	<u>4,199,842</u>	<u>14,786,761</u>
Cukai Malaysia @ 25% [2008: 26%]	(1,049,961)	(3,844,558)
Kesan cukai dari pendapatan yang tidak dikenakan cukai	949,204	3,476,360
Kesan cukai dari perbelanjaan yang tidak dibenar	<u>(215,347)</u>	<u>(292,276)</u>
Peruntukan cukai semasa	(316,104)	(660,474)
Peruntukan terlebih tahun taksiran terdahulu	-	111,838
Pelarasan cukai tahun taksiran terdahulu	42,788	232,649
	<u>(273,316)</u>	<u>(315,987)</u>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

14. KEPENTINGAN PENGURUS DAN PENGARAH-PENGARAH

Butir-butir kepentingan Pengurus dan Pengarah-Pengarah Syarikat di dalam Tabung ini adalah seperti berikut:-

	<u>2009</u>	<u>2008</u>
(a) <u>Unit Pegangan</u>		
ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD	376,303.65 unit bernilai RM176,975.61	74,601.04 unit bernilai RM43,014.96
Pengarah-Pengarah	10,543.46 unit bernilai RM4,958.59	9,032.68 unit bernilai RM5,208.24
(b) <u>Perbelanjaan</u>		
Yuran Pengurus yang telah dibayar dan terakru	RM850,411	RM1,131,920

Urusniaga-urusniaga di antara Tabung dan Pengurus serta pihak berkaitan dijalankan berdasarkan transaksi perniagaan yang normal.

Pegangan unit Pengurus adalah berasaskan pegangan benefisial.

15. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:-

	<u>2009</u>	<u>2008</u>
NPP = $\frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang + Jumlah}}{\text{didapatkan balik}} \times 100$ Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga	1.67%	1.64%

Nisbah jumlah bayaran yuran dan perbelanjaan Tabung berbanding nilai purata harian Tabung bagi tahun kewangan berakhir adalah bertepatan dan munasabah.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 MEI 2009**

16. PUSING GANTI PORTFOLIO (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:-

	<u>2009</u>	<u>2008</u>
PGP = $\frac{\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan}}{2}$	0.30 kali	0.52 kali
Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga		

Nisbah pusingan bagi jumlah purata kos belian dan jualan pelaburan berbanding nilai purata harian Tabung bagi tahun kewangan berakhir adalah bertepatan dan munasabah.

**17. URUSNIAGA DENGAN BROKER/DEALER
(16/05/2008 – 15/05/2009)**

Nama Broker/Dealer	Nilai Transaksi RM	%	Komisen & Fi RM	%
KAF-Seagroatt & Campbell Securities Sdn. Bhd.	5,874,013	17.34	21,629	18.52
Maybank Investment Bank Bhd.	5,739,343	16.94	18,755	16.06
OSK Investment Bank Bhd.	5,256,937	15.52	17,492	14.98
CIMB Investment Bank Bhd.	5,178,799	15.28	18,966	16.24
Affin Investment Bank Bhd.	5,026,046	14.83	18,244	15.62
BIMB Securities Sdn. Bhd.	2,637,581	7.78	8,307	7.12
RHB Investment Bank Bhd.	1,203,600	3.55	3,766	3.23
MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	1,110,000	3.28	3,308	2.83
Alliance Investment Bank Bhd.	945,416	2.79	3,315	2.84
AmlInvestment Bank Bhd.	912,370	2.69	2,988	2.56
Jumlah Transaksi	33,884,105	100.00	116,770	100.00

JADUAL A**SENARAI PELABURAN PADA 15 MEI 2009**

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUMLAH SAHAM	JUMLAH KOS RM	NILAI PASARAN RM	PERATUS
					NILAI PASARAN KE ATAS NILAI ASET BERSIH %
A SAHAM TERSIARHARGA					
PAPAN UTAMA					
BARANGAN PENGGUNA					
1	Nestle (M) Bhd	10,000	213,595	285,000	0.47
2	UMW Holdings Bhd	215,000	1,134,654	1,204,000	1.98
Jumlah Kecil			1,348,249	1,489,000	2.45
BARANGAN INDUSTRI					
1	CB Industrial Product Holding Bhd	300,100	1,257,541	786,262	1.29
2	KNM Group Bhd	677,850	1,007,700	518,555	0.85
3	Petronas Gas Bhd	64,800	579,977	615,600	1.01
4	Shell Refining Co. (F.O.M) Bhd	246,300	2,575,071	2,586,150	4.25
5	Wah Seong Corporation Bhd	426,158	840,971	745,777	1.23
Jumlah Kecil			6,261,260	5,252,344	8.63
PEMBINAAN					
1	Gamuda Bhd	379,700	1,387,970	941,656	1.55
2	WCT Bhd	503,900	1,015,350	922,137	1.51
3	YTL Corporation Bhd	105,000	701,281	735,000	1.21
Jumlah Kecil			3,104,601	2,598,793	4.27
DAGANGAN/PERKHIDMATAN					
1	Amway (M) Holdings Bhd	200,000	1,331,495	1,470,000	2.41
2	Axiata Group Bhd	841,950	3,055,921	1,827,031	3.00
3	Bintulu Port Holdings Bhd	107,000	667,753	642,000	1.05
4	MISC Bhd	120,000	1,011,022	1,002,000	1.65
5	MMC Corporation Bhd	414,800	1,041,677	750,788	1.23
6	NCB Holdings Bhd	160,000	459,522	440,000	0.72
7	Plus Expressways Bhd	150,000	481,544	477,000	0.78
8	Sime Darby Bhd	302,710	1,904,452	1,997,886	3.28
9	Star Publications (M) Bhd	433,000	1,456,409	1,394,260	2.29
10	Tenaga Nasional Bhd	392,200	3,367,220	2,902,280	4.77
11	Telekom Malaysia Bhd	151,200	453,417	595,728	0.98
Jumlah Kecil			15,230,432	13,498,973	22.16

JADUAL A**SENARAI PELABURAN PADA 15 MEI 2009**

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUMLAH SAHAM	JUMLAH KOS RM	NILAI PASARAN RM	PERATUS NILAI PASARAN KE ATAS NILAI ASET BERSIH %
A SAHAM TERSIARHARGA					
PAPAN UTAMA					
HARTANAH					
1	KLCC Property Holdings Bhd	573,000	1,878,015	1,833,600	3.01
2	SP Setia Bhd	142,250	410,028	551,930	0.91
	Jumlah Kecil		2,288,043	2,385,530	3.92
PERLADANGAN					
1	Asiatic Development Bhd	410,000	2,088,916	2,070,500	3.40
2	Hap Seng Plantations Holdings Bhd	610,000	1,654,721	1,366,400	2.24
3	Kuala Lumpur Kepong Bhd	50,000	457,519	555,000	0.91
4	TH Plantations Bhd	177,800	243,450	293,370	0.48
	Jumlah Kecil		4,444,606	4,285,270	7.03
INFRASTRUKTUR					
1	Digi.Com Bhd	170,000	3,784,890	3,774,000	6.20
	Jumlah Kecil		3,784,890	3,774,000	6.20
	Jumlah Saham Tersiarharga		36,462,081	33,283,910	54.66
	Keuntungan Belum Direalisasi		(3,178,171)		
			33,283,910		
B SIMPANAN AL-MUDHARABAH					
				27,788,923	45.63
				61,072,833	100.29

9. ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA

◆ Kandungan Portfolio

Kandungan portfolio adalah dikira mengikut harga penutup pasaran pada setiap 15 Mei.

◆ Kaedah Harga Tunggal (SPR)

Berkuatkuasa 1 Julai 2008, Kaedah Harga Tunggal (SPR) telah digunapakai bagi menggantikan kaedah Dwipenetapan Harga (*Dual Pricing*). Melalui kaedah ini, penjualan, pembelian balik, perlucutan dan penjadian unit-unit oleh Pengurus akan dilaksanakan pada Nilai Aset Bersih (NAB) seunit pada penutup hari urusniaga. Yuran kemasukan/pengeluaran (jika ada) akan dikira secara berasingan berdasarkan NAB pelaburan unit-unit anda.

◆ Nilai Aset Bersih (NAB)

NAB diambilkira setelah menolak jumlah nilai liabiliti Tabung daripada jumlah nilai aset Tabung pada penutup hari urusniaga. NAB seunit di perolehi dengan membahagikan NAB dengan unit dalam edaran pada tarikh yang sama.

◆ Harga Jualan Seunit

Harga jualan seunit ialah harga yang dijual oleh Pengurus kepada Pemegang Unit dengan mengambilkira NAB pada penutup hari urusniaga dibahagi dengan bilangan unit dalam pusingan pada hari tersebut dan dikenakan caj jualan tidak melebihi 6.5%. Walau bagaimanapun, berkuatkuasa 1 Januari 2009, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menghadkan caj jualan ke atas pelabur-pelabur di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP kepada tidak melebihi 3%.

◆ Harga Belian Seunit

Harga belian seunit ialah harga yang sedia dibeli oleh Pengurus daripada Pemegang Unit yang ingin menjual kembali unit-unit pelaburan mereka pada harga NAB Tabung.

◆ Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:

$$\text{NPP} = \frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang didapatkan balik} \times 100}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}}$$

◆ Pusing Ganti Portfolio (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:

$$\text{PGP} = \frac{(\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan}) / 2}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}}$$

◆ Jumlah Pulangan

Jumlah pulangan ialah jumlah pulangan pendapatan bersih dan pertumbuhan nilai modal.

$\frac{\text{NAB (cD bagi tahun kewangan semasa)} - 1}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$
(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

◆ Pengagihan Pendapatan (Jika ada)

Pengagihan pendapatan kasar adalah pengagihan tunai sebelum cukai dalam tahun kewangan, manakala pengagihan pendapatan bersih adalah pengagihan tunai selepas peruntukan cukai.

$\frac{\text{Pengagihan tunai bersih di dalam tahun kewangan}}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$
(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

◆ Pertumbuhan Modal

Pertumbuhan modal dikira dengan mengambil perbezaan jumlah pulangan dan jumlah pulangan pendapatan.

◆ Purata Pulangan Tahunan

Purata pulangan tahunan ialah jumlah pulangan pendapatan dan pertumbuhan nilai modal dibahagi dengan bilangan tahun selepas penyelarasan Unit-Unit Pecahan (jika ada).

10. MAKLUMAT TAMBAHAN

- **PEMBAYARAN PENGAGIHAN**

Waran-waran pengagihan (jika ada) akan dihantar dalam jangkamasa dua (2) bulan selepas tarikh tutup tahun kewangan. Waran-waran tersebut sah laku selama enam (6) bulan dari tarikh pengeluaran. **Anda dinasihatkan menunaikan waran-waran pengagihan dengan segera. Harap ambil perhatian bahawa waran-waran pengagihan yang tidak ditunaikan selepas enam (6) bulan dari tarikh pengeluarannya akan dilaburkan semula mengikut harga jualan pada penutup hari kelima belas (15) bulan berikutnya atau tarikh lebih awal sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pengurus.**

- **MELABURKAN SEMULA PENGAGIHAN**

Bagi pelaburan semula pengagihan, anda boleh memilih samada untuk menerima waran pengagihan, cek atau melabur semula pada harga Nilai Aset Bersih (NAB), tiga puluh (30) hari selepas tamat tempoh kewangan Tabung. Anda boleh melabur semula dengan membuat pilihan yang sesuai di dalam Borang Permohonan atau memberi arahan kepada Pengurus secara bertulis atau melalui faks. Pengurus akan bertindak berdasarkan arahan yang dibuat secara bertulis sebelum tarikh pengagihan. **Walau bagaimanapun, untuk pengagihan yang bernilai kurang dari RM50.00, ianya akan dilaburkan semula secara automatik pada nilai NAB, tiga puluh (30) hari selepas tamat tempoh kewangan Tabung.**

- **PERTUKARAN KE LAIN-LAIN TABUNG**

Semua Pemegang-Pemegang Unit Tabung sedia ada yang diuruskan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD diberi kemudahan untuk menukar Tabung yang disertai ke lain-lain Tabung (kecuali Amanah Saham Pekerja-Pekerja TNB) tanpa dikenakan caj jualan. Walau bagaimanapun, caj jualan akan dikenakan sekiranya melibatkan pertukaran kali pertama Tabung SMMF ke lain-lain Tabung. Unit akan ditebus dan hasil jualan tersebut dibelikan unit bagi Tabung unit amanah yang baru berasaskan NAB seunit mengikut harga hadapan ketika permohonan diterima. Tiada had bagi pertukaran antara Tabung-Tabung. Disamping itu tiada bayaran dikenakan bagi transaksi pertama hingga transaksi kelima, namun bayaran minimum caj pertukaran RM10.00 akan dikenakan untuk transaksi keenam dalam satu-satu tahun kalendar. Pertukaran minimum bagi setiap transaksi hendaklah tidak kurang daripada 100 unit. **Urusan pertukaran Tabung adalah tidak dibenarkan melalui ejen.**

- **KEMUDAHAN MENAMBAH MODAL MELALUI BANK (AUTODEBIT)**

ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD menyediakan kemudahan pelaburan secara tetap setiap bulan melalui Arahan Bank (Autodebit) menerusi Bank Simpanan Nasional, Malayan Banking Berhad, CIMB Bank Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Pelaburan minimum setiap arahan ialah sebanyak RM50.00 pada tiap-tiap bulan.

- **MENUKAR MILIK**

Unit-unit Tabung anda boleh ditukar milik kepada orang lain dengan menggunakan borang tukar milik yang boleh diperolehi di pejabat kami. Pembeli atau penerima milik akan dikenakan bayaran tidak melebihi RM10.00 untuk mendaftar unit-unit tersebut atas namanya.

- **PROSES PENYUCIAN**

- (a) **Zakat**

Kewajipan mengeluarkan zakat adalah dikenakan kepada mana-mana pelabur yang beragama Islam dan entiti Islam ke atas perolehan/pendapatan dari pelaburan. Walau bagaimanapun, Tabung tidak memperuntukkan bayaran untuk zakat yang dikenakan ke atas perolehan modal pengagihan pendapatan. Sehubungan dengan itu, bayaran zakat ke atas perolehan modal dan pengagihan pendapatan adalah menjadi tanggungjawab pelabur-pelabur untuk berbuat demikian.

Penentuan jumlah zakat adalah dengan mengambil kira jumlah pelaburan perolehan modal dan pengagihan pendapatan dalam tahun kewangan didarabkan dua peruluhan lima peratus (2.5%).

- (b) **Tazkiah**

Tazkiah adalah proses penyucian pendapatan (dividen dan keuntungan jualan) dari pelaburan yang meragukan sepertimana yang ditetapkan oleh Penasihat Syariah. Secara amnya, keperluan kepada tazkiah adalah berpunca dari situasi di mana pelaburan Tabung di dalam kaunter-kaunter yang dibenarkan pada awalnya diklasifikasikan semula sebagai tidak menepati kehendak Syariah. Kemudian pelaburan tersebut tidak dapat dilupuskan dengan segera semasa perubahan klasifikasi disebabkan oleh suasana pelaburan.

Jumlah tazkiah adalah dua peruluhan lima peratus (2.5%) dari dividen dan keuntungan jualan dari pelaburan yang diklasifikasikan sebagai tidak menepati kehendak Syariah berdasarkan peratusan yang ditetapkan oleh Penasihat Syariah. Jumlah tazkiah akan didermakan kepada badan-badan kebajikan yang diluluskan oleh Pemegang Amanah dan Pengurus Tabung dan dipersetujui oleh Penasihat Syariah.

Bagi tahun kewangan berakhir 15 Mei 2009, peruntukan tazkiah berjumlah RM1,978.00.

11. PERLINDUNGAN TAKAFUL

Semua pelabur perseorangan atau perkongsian yang menepati syarat-syarat (layak) yang telah ditetapkan akan mendapat perlindungan Takaful daripada Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Perlindungan Takaful yang ditanggung oleh syarikat pengurusan ini adalah merupakan premium bulanan.

Individu yang berumur 18 tahun hingga 65 tahun dan pekongsi yang tidak kurang dari 6 tahun dan tidak melebihi 65 tahun apabila membeli unit DANA AL-AIMAN sekurang-kurangnya 1,000 unit, layak mendapat perlindungan dengan RM1.00 bagi setiap unit yang dimiliki tertakluk kepada perlindungan maksimum RM200,000.00 termasuk perbelanjaan pengebumian sebanyak RM1,000.00. Apabila Pemegang Unit telah menebus unitnya, perlindungan yang diberikan akan terhapus.

Perlindungan ini meliputi kematian disebabkan penyakit atau kemalangan ATAU keilatan kekal seluruh tubuh badan yang disebabkan oleh penyakit atau kemalangan dan bayaran perbelanjaan pengebumian.

Walau bagaimanapun, pelaburan yang dibuat menerusi Ejen-ejen Institusi Unit Amanah (IUTA) tidak layak mendapat perlindungan tersebut.

Untuk membuat tuntutan, pelabur atau waris atau penerima pusaka perlu memberitahu ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD dan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kejadian.

Bagi tahun kewangan ini, syarikat pengurusan telah membelanjakan sebanyak RM216,956.93 bagi membiayai premium perlindungan Takaful di atas.

UNTUK MEMASTIKAN YANG ANDA LAYAK MENDAPAT PERLINDUNGAN TAKAFUL DI ATAS, SILA HUBUNGI PIHAK KAMI UNTUK MENGESAHKAN REKOD PERIBADI ANDA TELAH DILENGKAPKAN ATAU SILA KEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI ANDA DENGAN MENGGUNAKAN BORANG DI DALAM LAPORAN INI DI MUKA SURAT 44 DAN KEMBALIKAN KEPADA KAMI UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA.

12. MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN

Pejabat Wilayah:

Sarawak

No. 59, Tingkat Satu, Jalan Tun Jugah
93350 Kuching
Tel: (082) 464402 Faks: (082) 464404
H/P: (013) 8230645 (John Nyaliaw)
E-mel: asmi.srwk3@asmb.com.my
john@asmb.com.my

Sabah

Lot 2-3-19C, Tingkat 2, Plaza Wawasan
Lorong Plaza Wawasan
88000 Kota Kinabalu
Tel: (088) 244129 Faks: (088) 244419
H/P: (013) 8678131 (Yong Yin Kong)
E-mel: asmi.sabah@asmb.com.my
yong@asmb.com.my

Pulau Pinang

115-G-12C Kompleks
Jalan Kedah, Georgetown
10050 Pulau Pinang
Tel: (04) 6571203 H/P: (012) 4726656 (Kew Thin Choon)

Pahang

Lot D103, Tingkat 1
Mahkota Square, Jalan Mahkota
25000 Kuantan
Tel: (09) 5158545 Faks: (09) 5134545
E-mel: asmi.ktn@asmb.com.my

Johor

No. 17-01, Jalan Molek 1/29
Taman Molek
81100 Johor Bahru
Tel: (07) 3522120 Faks: (07) 3512120
H/P: (012) 6845646 (Norsyah Nizam A.Aziz)
E-mel: asmi.jb@asmb.com.my
norsyah@asmb.com.my

Pejabat-Pejabat Aqensi:

Alor Setar

Encik Md. Bahrin bin Ibrahim
Tingkat 1, No. 2.6, Plaza Alor Star
Jalan Stesen, Off Jalan Langgar
05000 Alor Setar
Tel/Faks: (04) 7340640
H/P: (012) 5720019 / (012) 5033019
E-mel: mdbahrin@yahoo.com.my

Pejabat-Pejabat Agensi:

Ipoh

Encik Mohamad Jamil bin Mohd Yusoff
No. 52A, Tingkat 1, Jalan Besar Tambun
31400 Ipoh
H/P: (019) 5971962 / (012) 5925822
E-mel: jazasma@yahoo.com.my

Batang Kali

Puan Fauziah bt Che Ismail
No. 43-A, Jalan Meranti 2B, Seksyen 3
Bandar Utama Batang Kali
44300 Batang Kali
Tel: (03) 60574142 Faks: (03) 60572385
H/P: (012) 6120874 / (013) 3397876 / (019) 2307502
E-mel: rosly_asm@yahoo.com.my

Melaka

YBhg. Datuk Md. Ramly bin Mohamad
No. 253-A, Jalan TMR 3, Taman Melaka Raya
75000 Melaka
Tel: (06) 2815051 Faks: (06) 2815046 H/P: (012) 6093859
E-mel: dkmdr@yahoo.com.my

Johor

Encik Hedi Hutar
No. 148-2, Tingkat 2, Jalan Raya
Kulai Jaya
81000 Kulai
H/P: (019) 7880033
E-mel: saudagarhedi@yahoo.com.my

Bintulu

Puan Jamilah bt Basri @ Sahari
Tingkat 1 Shoplot 3, Lot 3743
Medan Jaya Commercial Centre
Jalan Tun Hussein Onn
97000 Bintulu
H/P: (019) 8542731 Faks: (086) 312821

Perkhidmatan Kutipan Pelaburan:

Bank Simpanan Nasional
Bank Islam Malaysia Berhad
Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad

Ejen Institusi:

CIMB Bank Berhad
Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
Philip Mutual Berhad

Perkhidmatan Autodebit:

Malayan Banking Berhad
Bank Simpanan Nasional
CIMB Bank Berhad

13. MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR

Jika ada kemusykilan, sila hubungi talian Perhubungan Pelabur:

❖ **Pertanyaan/Aduan**

- Puan Nurul Azrina Kassim - 03 - 41453960
e-mel: nurul@asmb.com.my

❖ **Prospektus/Laporan Pengurus**

- Puan Wan Juliana Aigawati Wan Mat - 03 - 41453921
e-mel: wanjuliana@asmb.com.my

❖ **Urusan Pendaftaran/Jualan/Belian Balik**

- Cik Dang Fareeha Abd Samad - 03 - 41453965
e-mel: fareeha@asmb.com.my

- Cik Rosnida Othman - 03 - 41453970
e-mel: rosnida@asmb.com.my

❖ **Urusan Pelaburan KWSP/Potongan Gaji**

- Puan Norhayati Yahya - 03 - 41453927
e-mel: norhayati@asmb.com.my

❖ **Urusan Pindahan Pusaka/Hakmilik**

- Encik Md Nadzri Mahmud - 03 - 41453930
e-mel: nadzri@asmb.com.my

- Puan Sharifah Khatijah Syed Harun - 03 - 41453930
e-mel: sharifah@asmb.com.my

❖ **Penyata Pelaburan/Pertukaran Alamat**

- Puan Norzana Isa - 03 - 41453969
e-mel: zana@asmb.com.my

PERINGATAN KEPADA BAKAL PELABUR

Laporan ini bukanlah tawaran untuk menjual unit. Bakal pelabur dikehendaki membaca Prospektus Induk dan/atau Prospektus Induk Tambahan Tabung ini dengan teliti sekiranya ingin melabur. Sekiranya anda merasa ragu, sila berunding dengan penasihat pelaburan anda tentang skim ini. Pencapaian Tabung ini pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.

14. PERTUKARAN ALAMAT

Sebarang pertukaran alamat hendaklah diberitahu dengan segera secara bertulis atau sila penuhkan maklumat di bawah dan hantarkan kepada kami dengan segera.

BORANG PERMOHONAN TUKAR ALAMAT

Nama Penuh : _____

No. Kad Pengenalan : _____ (Baru)

_____ (Lama)

Tarikh Lahir : _____

Alamat : _____
Terkini

Nama Tabung : _____

No. Peruntukan (P/T) : _____

No. Telefon : _____ (Pejabat)

_____ (Rumah/Bimbit)

Tarikh_____
Tandatangan